

Newspaper	Berita Harian
Date	6 December 2015

Tun M terima jemputan, sah kehadiran

BH - 6/12/2015
Seremban: Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau tidak disekat daripada menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2015 yang akan diadakan minggu depan.

Katanya, beliau sebaliknya menerima jemputan rasmi daripada ibu pejabat UMNO beberapa hari lalu dan mengesahkan akan menghadiri perhimpunan berkenaan.

“Saya tidak disekat, malah menerima jemputan (rasmi) selepas mengeluarkan kenyataan saya menganggap jemputan lisan daripada Naib Presiden Parti, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, sebagai undangan terbuka (pada 1 Disember lalu).

“Saya tidak boleh bercakap pada perhimpunan itu, tapi saya tetap akan pergi untuk melihat apa yang berlaku di sana,” katanya pada sidang media selepas program bicara santai bersama Mahathir Mohamad di sini, semalam.

Terdahulu dalam sesi soal jawab, beliau berkata, banyak pemerintah negara lain berjaya dijatuhkan oleh rakyat yang tidak dapat menerima keputusan pilihan raya sebelum ini, dan rakyat Malaysia juga ada cara untuk menunjukkan protes.

Ditanya sama ada akan keluar daripada UMNO kerana tidak bersetuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, beliau berkata tidak akan mengulangi tindakan sedemikian, kali ini.